

# Pimpinan tegas dipuji kawan dan lawan

BH 15 JUL 1983

Oleh PENULIS KHAS

**P**ERDANA Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad disifatkan sebagai seorang pemimpin dan ketua kerajaan yang tegas, dedikasi, liberal dan mempunyai daya kreatif serta penggerak yang tinggi.

Beberapa orang yang pernah dan masih menjadi lawan politiknya menganggap beliau juga mempunyai sifat tanggungjawab bukan sahaja terhadap negara yang diketuainya malah kepada negara-negara yang sedang membangun khususnya negara-negara Islam.

Pandangan mereka ini disuarakan ketika ditinjau oleh lidah rasmi Umno, *Merdeka* sempena 700 hari Datuk Seri Dr Mahathir mengetuai kerajaan pada 16 Julai ini.

Bekas Yang Dipertua Agung

Akhbar itu dalam keluaran terbarunya menyebut bekas tokoh parti pembangkang yang dihormati, Tan Sri Dr Tan Chee Khoo berkata:

"Datuk Seri Dr. Mahathir seorang pemimpin yang suka berterus-terang. Sebaik sahaja mengambil alih pucuk pimpinan negara, beliau telah memperkenalkan kad' perakam waktu, yang bukan sahaja untuk diikuti oleh orang lain, malah oleh beliau sendiri.

## Cabaran

"Bukan itu sahaja, bahkan Perdana Menteri telah menjadikan rakyat negara ini merasa bangga sebagai rakyat Malaysia.

"Beliau pula nampaknya telah bersungguh-sungguh untuk memperkenalkan Dasar Pandang ke Timur, dan sama ada beliau akan berjaya atau tidak, hanya masa yang akan menentukannya, kerana banyak cabaran yang harus ditempuhi."

kanlah boleh dianggap bahawa Malaysia telah berubah menjadi Negara Islam (Islamic State).

"Tetapi kita merasa lapang dada dan mempunyai harapan yang baik terhadap perkembangan Islam di masa hadapan.

"Saya mempunyai satu falsafah di dalam perjuangan Islam, iaitu falsafah yang berasaskan kepada kaedah fiqah yang menganjurkan tiap-tiap satu yang tidak dapat diperolehi seluruhnya, janganlah dibuang seluruhnya.

"Ini merupakan falsafah yang dianjurkan oleh Islam yang tinggi nilainya, yang boleh menjadikan seseorang pemimpin itu tidak putus asa dalam perjuangannya.

"Saya berharap bahawa kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir akan maju terus dan tidak putus asa dalam perjuangannya.

"Saya bagi pihak Hamim mengucapkan taniah kepada

Pas, Datuk Asri Haji Muda, yang kini menjadi pemimpin Parti Hamim yang baru ditubuhkan, misalnya, mengharapkan supaya kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir maju terus dan tidak putus asa dalam perjuangannya untuk kebaikan negara dan rakyat.

Pengerusi Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM) Encik Kassim Ahmad pula mengalu-alukan tindakan tegasnya membasmi rasuah walaupun belum berhasil sepenuhnya. Beliau juga merasakan Perdana Menteri belum bertindak cukup tegas untuk mengelakkan pembaziran wang rakyat kerana menurutnya pembaziran masih lagi berlaku.

Pada keseluruhannya, sikap Datuk Seri Dr Mahathir yang liberal, tetapi tegas terhadap isu-isu semasa dalam konteks perkembangan dunia luar serta kancah politik dari berbagai fahaman dan ideologi dipuji. Ini disifatkan menjadikan rakyat negara ini merasa bangga mendapat seorang pemimpin seperti beliau dan bertuah sebagai rakyat Malaysia.

Ucapan-ucapan ini tentu menarik untuk diteliti oleh para pemerhati yang mengkaji perkembangan politik dalam negeri. Yang menarik sekali sudah tentu ialah bagaimana cara kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir memberi kesan kepada strategi dan dasar perjuangan politik parti-parti pembangkang.

"Dari janji-janji yang disuarakan sebelum ini, Datuk Seri Dr Mahathir telah membuktikan bahawa beliau adalah seorang Perdana Menteri yang mempunyai daya penggerak yang tinggi.

"Dulu ketika beliau sebagai penyokong Kerajaan di Parlimen, Datuk Seri Dr Mahathir tidak sekali-kali gentar menyuarakan pendapatnya.

"Dan apabila menduduki jawatan Perdana Menteri sekarang, beliau juga tidak bimbang untuk menyuarakan pendapatnya, sekali pun sebagai Perdana Menteri beliau harus berhati-hati lagi."

Presiden Hamim, Datuk Haji Mohd. Asri pula berkata, sungguhpun pimpinan Perdana Menteri selama 700 hari tidaklah jangka waktu yang panjang, namun nampaknya Datuk Seri Dr Mahathir adalah begitu bertenaga untuk menjayakan cita-cita apa yang dianggapnya betul dan yakin terhadap usaha membentuk Malaysia yang lebih gemilang.

"Secara umumnya, sikap dan ketegasan Datuk Seri Dr Mahathir jelas menyebabkan beliau beroleh kemajuan sedemikian rupa terhadap beberapa prinsip yang ada hubungan dalam konteks perkembangan Islam.

"Beliau cuba melahirkan sebanyak-banyak perubahan yang boleh menarik dan memikat pandangan umat Islam, sekalipun pada dasarnya bu-

Datuk Seri Dr Mahathir yang genap kepimpinannya selama 700 hari."

Pengerusi Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM), Encik Kassim Ahmad berkata, dalam masa 700 hari beliau menjadi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir telah memperkenalkan slogan-slogan Bersih, Cekap dan Amanah, Kepimpinan Melalui Teladan, Dasar Pandang ke Timur, Negara Perusahaan, Persyarikatan Malaysia serta mewujudkan suasana liberal dalam sistem politik, juga bertindak menghapuskan rasuah.

### **Bertindak**

"Suasana liberal dan tindakan-tindakan terhadap rasuah ini adalah dialu-alukan dan patutlah diperluaskan. Kedua-dua langkah ini memang sesuai dengan slogan-slogan tersebut.

Tetapi pembaziran di dalam Kerajaan masih berlaku dan patut segera dihapuskan, dan tindakan-tindakan harus diambil untuk mengurangkan beban golongan-golongan bawahan.

"Di dalam kita membuat pembangunan, sesungguhnya kita tidak melupakan manusia-manusia yang menjadi tujuannya pembangunan itu.

"Pembangunan yang mengabaikan, malah merusakkan manusia dari segi material, akhlak dan spiritual bukanlah pembangunan yang sebenarnya.

"Saya berharap bahawa dasar-dasar Negara Perusahan, Pandang ke Timur dan Pesyarikatan Malaysia itu akan memperhitungkan faktor-faktor ini.

"Selain itu sistem kenderaan awam di bandar-bandar patut diperbaiki segera kerana kesesakan jalanraya dan kemalangan jalanraya telah menjadi masalah-masalah yang besar".

Setiausaha Agung Umno, Datuk Mustafa Jabar pula berkata, Datuk Seri Dr Mahathir adalah seorang yang berani, tetapi tegas dan tenang. Beliau tidak bersikap pilih kasih atau teragak-agak dalam mempersoalkan apa-apa masalah yang berbangkit.

"Beliau telah membuat beberapa perubahan sebaik sahaja memegang tampuk pemerintahan negara seperti mempercepatkan waktu selama 30 minit di Semenanjung Malaysia, memperkenalkan sistem kad waktu yang bukan sahaja untuk kakitangan Kerajaan, malah bagi diri sendiri sebagai Perdana Menteri dan Menteri-menteri kabinetnya.

"Oleh kerana beliau ingin melihatkan negara ini membangun dan maju lebih-lebih lagi dalam mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB), Datuk Seri Dr Mahathir telah menggesa rakyat supaya mencontohi Jepun dan Korea Selatan di mana beliau menganjurkan Dasar Pandang ke Timur.

## Menggesa

"Memang tidak siapa boleh menafikan bahawa kerajinan dan kebolehan orang-orang Jepun dan Korea Selatan telah membawa kejayaan yang sungguh bererti bagi kedua-dua negara ini.

"Contohnya negara Jepun, walaupun mengalami kekalahan yang teruk di dalam Peperangan Dunia Kedua yang hampir memusnahkannya, namun dari kegigihan yang ditunjukkan oleh rakyatnya ia kini setanding, malah mengatasi kebanyakan negara-negara maju di dunia ini.

"Perdana Menteri juga adalah tokoh yang sentiasa berterus-terang dalam percaturan politik di peringkat antarabangsa.

"Ini dapat ditunjukkan dalam ucapan-ucapannya yang berani dan tegas, baik di Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu, Pertubuhan

Negara-negara Komanwel, Asean mahupun di dunia Islam sendiri.

"Langkah beliau untuk merapatkan hubungan dengan negara-negara kecil dan sedang membangun seperti Sri Lanka, Fiji, Maldives menunjukkan betapa beliau mempunyai pandangan jauh dan niat ikhlas untuk kebaikan antara satu sama lain.

## Cemerlang

"Dalam negeri, Datuk Seri Dr Mahathir telah dapat membuktikan ketokohnya bagi mendapatkan kepercayaan rakyat apabila beliau memimpin Barisan Nasional yang beroleh kejayaan cemerlang di dalam pilihanraya kebangsaan tahun lalu.

"Parti-parti lawan seperti Pas dan DAP telah mula hilang pengaruhnya. Malah Pas sendiri pernah diseru beberapa kali untuk menyertai Barisan Nasional, tetapi tidak menerimanya.

"Pas sendiri kemudiannya mengalami perpecahan akibat perebutan kuasa di maha akhirnya bekas Yang Dipertua Agungnya, Datuk Haji Mohd. Asri bertindak keluar parti dan menubuhkan sebuah parti baru.

"Begitu juga DAP yang kalah teruk dalam pilihanraya tahun lalu. Ramai sekali tokohnya telah merosot pengaruhnya. Pengerusinya Dr Chen Man Hen hilang kerusinya di Seremban bila tewas di tangan Presiden MCA, Datuk Lee San Choon.

"Cuma apa yang menjadi masalah sewaktu pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir adalah secara kebetulan dunia sedang mengalami zaman kemelesetan. Sedikit sebanyak negara merasai bahangnya.

"Keadaan ini seharusnya difahami oleh segolongan rakyat di negara ini dan saya berharap mereka sabar dan tabah menghadapinya, terutama petani-petani di luar bandar".